

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10292

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kedudukan siasatan Polis Diraja Malaysia terhadap "Datuk Shahrol Halmi dan lain-lain pengurusan yang berkaitan" mengenai skandal 1MDB seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Adakah kes sudah ditutup dan tiada pihak didapati bersalah.

107

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kertas siasatan polis berhubung siasatan ke atas 1MDB telah beberapa kali dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara dan dikembalikan semula dengan arahan untuk melaksanakan beberapa tindakan lanjut. PDRM telah melaksanakan tindakan-tindakan siasatan yang diarahkan oleh Jabatan Peguam Negara dan telah merujuk kembali kertas siasatan berkenaan ke Jabatan Peguam Negara. Sehingga kini, PDRM sedang menunggu nasihat dan arahan selanjutnya daripada Jabatan Peguam Negara.